

03 MAY 1996

Mahathir-Terbang

KEGIATAN PENERBANGAN TIDAK BAHAYA JIKA IKUT PERATURAN

MELAKA, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati mereka yang menyertai kegiatan penerbangan bahawa tiada jalan singkat untuk mereka mahir dalam bidang itu.

Perdana Menteri berkata, kegiatan penerbangan merupakan hobi sihat tetapi merbahaya jika mereka yang menceburinya tidak memberikan keutamaan kepada peraturan.

"Bahaya kegiatan itu dapat dikurangkan jika kita berhati-hati dan sentiasa mengikut peraturan dan membuat persediaan yang rapi," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap melancarkan Kelab Penerbangan 4B Malaysia di Lapangan Terbang Batu Berendam, di sini.

"Menerbangkan pesawat kecil atau besar adalah sama bahaya bagi mereka yang berpengalaman atau baru...semuanya mesti ikut cara dan peraturan yang betul," menurutnya lagi.

Kerajaan mengalakkan kegiatan penerbangan tetapi ia mestilah dijalankan dengan perancangan yang baik dan anak muda yang menyertainya diberikan latihan dan persediaan yang lengkap, katanya.

Presiden Gerakan Belia 4B, Datuk Mohd Ali Rustam sebelum itu berkata kelab berkenaan merancang menceburi industri merekabentuk dan mengeluarkan pesawat microlight pada masa depan.

Kelab itu akan mengadakan kerjasama dengan Quicksilver International, antara pengeluar kapalterbang microlight terbesar di dunia bagi tujuan tersebut, katanya.

Beliau berkata, potensi bagi pemasaran pesawat terutama di rantau Asia adalah besar dan kelab berhasrat mengeluarkan pesawat itu bagi pasaran berkenaan dan tempatan.

Perdana Menteri menyumbangkan dua pesawat microlight kepada kelab berkenaan yang sebelum ini telah mempunyai lima buah pesawat.

Dr Mahathir kemudian menepung tawar sebuah pesawat microlight sebagai pelancaran kelab dan menyaksikan pertunjukan penerbangan oleh tiga pelatih kelab itu. -- BERNAMA

MOZ PR